

## Kesusasteraan Melayu dan Persuratan Baru: Satu Pengamatan Kritis Tentang Sambutan Kesarjanaan

**Nudra Shafini Halis Azhan\*, Mohd. Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan Noor Muhammad**

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

### ABSTRAK

Kajian ini bertitik tolak daripada sorotan literatur yang mendapati adanya dua kutub pandangan umum tentang gagasan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan. Kutub yang pertama cenderung menerima Persuratan Baru sebagai sebuah gagasan pemikiran sastera yang berasaskan Islam. Manakala, kutub yang kedua pula dilihat kurang menyenangi Persuratan Baru kerana terlalu keras dalam mengkritik kesusasteraan Melayu moden. Walau bagaimanapun kedua-dua kutub pandangan ini lebih bersifat umum dan diasaskan pada pendapat serta pengalaman peribadi. Hal ini mengundang penelitian ilmiah terhadap “sambutan kesarjanaan”, iaitu penemuan dan penilaian yang diberikan oleh para sarjana serta pengkaji dalam bentuk tulisan-tulisan ilmiah terhadap Persuratan Baru. Lanjutan permasalahan di atas, kajian ini menggariskan tiga objektif untuk dicapai. Pertama, mengenalpasti idea-idea utama berkaitan Persuratan Baru yang dibincangkan dalam kajian-kajian ilmiah yang dikaji. Kedua, mengorganisasi kajian-kajian ilmiah yang dikaji berdasarkan fokus perbahasannya. Ketiga, merumuskan pencapaian Persuratan Baru sebagai sebuah gagasan pemikiran sastera berdasarkan sambutan kesarjanaan yang

diberikan oleh para sarjana dan pengkaji.

Kajian ini menerapkan pendekatan analisis teks bagi meneliti sembilan buah kajian ilmiah mengenai Persuratan Baru. Hasil analisis mendapati bahawa Persuratan Baru menerima sambutan kesarjanaan yang meliputi pengenalan sebagai sebuah gagasan pemikiran, perbincangan mengenai sumbangannya dalam konteks sejarah dan tradisi sastera Melayu moden, perbahasan mengenainya sebagai kerangka analisis

### ARTICLE INFO

*Article history:*

Received: 04 January 2021

Accepted: 11 April 2021

Published: 30 June 2021

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.2.37>

*E-mail addresses:*

nudraazhan@gmail.com (Nudra Shafini Halis Azhan)

zariat@upm.edu.my (Mohd. Zariat Abdul Rani)

salmahjan@upm.edu.my (Salmah Jan Noor Muhammad)

\* Corresponding author

teks sastera, dan perbandingannya dengan tradisi sastera yang lain. Sambutan kesarjanaan ini dengan sendirinya memantapkan lagi korpus kesarjanaan mengenai Persuratan Baru, khususnya memperluaskan lagi sempadan bagi usaha-usaha penyelidikan dan kesarjanaan yang selanjutnya.

*Kata kunci:* Kesusasteraan Melayu moden, Mohd. Affandi Hassan, Persuratan Baru, sejarah dan tradisi sastera, tradisi persuratan Melayu

## ***Malay Literature and Persuratan Baru (Genuine Literature): A Critical Observation on Scholarly Reception***

### **ABSTRACT**

*This article stems from a literature review that discovers two different views on Persuratan Baru (“Genuine Literature”) by Mohd. Affandi Hassan. The first view is inclined to accept Persuratan Baru as a literary notion based on Islam. While the second view does not favor Persuratan Baru as it is said to be too critical in criticizing modern Malay literature. However, these two different views are superficial and based on personal opinions and experiences. This invites an academic study on the “scholarly reception” which refers to the findings and evaluation by scholars and researchers in the form of academic writings on Persuratan Baru. Thus, this article is structured to achieve three objectives. First, to identify the key ideas of Persuratan Baru as discussed in the studied academic writings. Second, to organise these academic writings according to the focus of their discussions. Third, to conclude the achievements of Persuratan Baru as a literary thought based on the scholarly reception given by scholars and researchers. This article applies textual analysis to study nine academic writings on Persuratan Baru. The results of the analysis found that Persuratan Baru received scholarly reception in various ways, including introducing it as a literary notion, discussing its contribution in the context of the history and tradition of Malay literature, discussing its ability as a framework for literary textual analyses, and comparing it with other literary traditions. These scholarly receptions further strengthen the research corpus on Persuratan Baru, particularly expanding the boundaries for further research and scholarships.*

*Keywords:* *Literary history and tradition, modern Malay literature, Mohd. Affandi Hassan, Persuratan Baru (Genuine Literature), tradition of Malay letters*

---

### **PENGENALAN**

Dalam kesarjanaan kesusasteraan Melayu, dekad 1990-an menyaksikan timbulnya kesedaran dalam kalangan sarjana dan pengkritik sastera untuk melahirkan

pemikiran atau teori sastera sendiri. Kesedaran ini lahir daripada pendirian bahawa kegiatan sastera Melayu moden begitu condong kepada pemikiran serta teori-teori Barat yang dianggap tidak

dapat berlaku adil terhadap karya-karya sastera Melayu<sup>1</sup>. Dalam konteks suasana ilmiah tersebut, lahirnya pemikiran serta teori sastera Melayu, antaranya “Puitika Sastera Melayu” oleh Muhammad Haji Salleh, “Pengkaedahan Melayu” oleh Hashim Awang, “Takmilah” oleh Shafie Abu Bakar, dan gagasan “Persuratan Baru” (PB) oleh Mohd. Affandi Hassan (Mohd. Affandi). Merujuk kepada PB, gagasan yang lahir pada awal 1990-an ini kemudiannya mendapat reaksi serta sambutan yang meluas daripada sarjana serta pengkritik sastera, sebagaimana yang akan diperlihatkan nanti.

PB dicetuskan oleh Mohd. Affandi, seorang penulis kreatif dan pengkritik sastera yang tidak asing lagi di persada kesusasteraan Melayu masa kini. Sebagai penulis kreatif, Mohd. Affandi menghasilkan pelbagai genre seperti novel, cerpen dan puisi, selain mencipta beberapa genre baharu seperti “espen” (singkatan “esei” dan “cerpen”), “novel persuratan” (karya yang menjadikan perutusan/wacana sebagai pengisian utama) dan “maqamat” (cerita pendek yang mengutamakan wacana di atas cerita). Malah, novel *Pujangga Melayu* oleh Mohd. Affandi (1997) dianggap oleh kebanyakan pengkritik sebagai manifestasi PB dalam bentuk karya kreatif.

<sup>1</sup> Bagi mendapatkan gambaran tentang kecondongan sastera Melayu moden terhadap pemikiran dan teori Barat, sila rujuk antaranya *Puitika Sastera Melayu* (1992) oleh Muhammad Haji Salleh, *Reading Approaches in Modern Malay Literature* (2010) oleh Zawiah Yahya, serta *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu* (2012) dan *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu* (2009) oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir.

Idea-idea awal PB mula kedengaran dalam tulisan Mohd. Affandi berjudul “Pemikiran dan Pendekatan dalam Kritikan Sastera Melayu Moden”, terbit dalam buku *Kesusasteraan Melayu: Mitos dan Realiti* (1989) yang memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989. Dalam artikel ini, Mohd. Affandi (1989) pada awalnya menamakan ideanya sebagai “Estetis-Intelektual”, yang memberikan penekanan tentang pentingnya karya sastera dimanfaatkan sebagai medan dalam menyampaikan idea-idea intelektual. Idea ini kemudiannya dimantapkan dalam buku beliau bertajuk *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid* (1992). Pemantapan ini jelas apabila idea awal tersebut diperhalusi dengan takrifan baharu yang didasarkan kepada ajaran Tauhid yang menjadi teras dalam pandangan-hidup Islam (Mohd. Affandi, 1992). Dengan itu, pengertian “intelektual” dan “estetika” ditakrifkan semula berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah iaitu dua sumber ilmu yang mutlak di sisi Islam. Buku Mohd. Affandi berjudul *Medan-Medan dalam Sistem Persuratan Melayu* (1994), jelas memantapkan lagi penghujahan beliau, terutamanya soal kecemerlangan pencapaian kegiatan persuratan Melayu pada abad ke-16 dan ke-17 Masihi, yang dianggap sebagai zaman kemuncak (*par-excellence*) kegemilangan Islam di Alam Melayu (Mohd. Affandi, 1994a). Pada tahun yang sama juga, Mohd. Affandi menerbitkan artikel berjudul “Mengapa Saya Menulis Aligupit” (1994) yang secara jelas menyatakan istilah

“Persuratan Baru” bagi merujuk kepada gagasan pemikirannya (Mohd. Affandi, 1994b).

Pada tahun 1998, Mohd. Affandi menghasilkan sebuah esei panjang bertajuk “Persuratan Baru dan Cabaran Intelektual: Menilai Kembali Kegiatan Kreatif dan Kritikan” yang membahaskan secara kritis tentang permasalahan yang melanda kegiatan sastera Melayu moden yang dianggapnya bukan sahaja lesu dari segi intelektual, bahkan memperagakan nilai-nilai yang keliru di sisi Islam. Sebagaimana yang jelas diperikan pada judulnya, esei panjang ini turut menggunakan istilah “Persuratan Baru”. Penggunaan ini memperlihatkan bahawa nama PB telah digunakan secara konsisten. Nama “Persuratan Baru” dipilih bagi menggambarkan keazaman Mohd. Affandi dalam menghidupkan semula tradisi persuratan Melayu abad ke-16 dan ke-17 Masihi dalam kegiatan sastera Melayu masa kini. Pada tahun 2008, terbit pula buku *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan* yang juga secara eksplisit menggunakan istilah “Persuratan Baru” sebagai judul buku. Buku ini turut menghimpunkan artikel-artikel oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Mohd. Zariat Abdul Rani yang memanifestasikan penerapan PB sebagai kerangka analisis dalam pengkajian teks-teks sastera Melayu.

## SOROTAN LITERATUR

Perbincangan pada tahap ini berusaha memperlihatkan pencapaian PB sebagai sebuah gagasan pemikiran yang dibangunkan oleh Mohd. Affandi secara

sistematik melalui penghujahan serta pembuktian ilmiah. Justeru, tidak hairanlah jika kehadiran PB mengundang reaksi daripada khalayak sastera Melayu yang memberikan komen-komen dalam media arus perdana serta laman sosial. Antaranya ialah Mokhtar Sani Abdullah (Mokhtar) yang menulis rencana yang berjudul “Idea Affandi Jatuhkan Penulis Besar” dan terbit dalam akhbar *Berita Harian* pada 26 Jun 2002. Dalam rencana ini, Mokhtar secara peribadi tertarik pada PB yang menurutnya menggariskan idea-idea pokoknya secara jelas dan diterjemahkan secara konkret melalui *Pujangga Melayu*. Rencana ini berpendapat bahawa PB menuntut karya sastera untuk menyampaikan pemikiran intelektual dengan cara yang bijaksana bagi menanam nilai-nilai mulia di sisi Islam. PB juga dianggap memberikan cabaran yang besar, dan justeru dikatakan tidak mendapat sambutan yang baik daripada sasterawan (Mokhtar, 2002).

Wan Ahmad Fahysal dalam blog beliau bertajuk “Rausyanfikir” turut berkongsi pengalamannya berkaitan PB. Dalam entrinya dengan judul “Sehari Bersama Orang-orang Sastera dan Polemik Gagasan Persuratan Baru”, Wan Ahmad Fahysal (2009) menganggap PB sebagai sebuah gagasan pemikiran yang mencetuskan polemik dalam kalangan penggiat sastera Melayu. Wan Ahmad Fahysal berpendapat PB dapat difahami secara lebih mudah sekiranya pembaca memahami pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas (al-Attas), seorang tokoh pemikir Islam. Hal ini kerana Wan Ahmad Fahysal berpendapat

PB merupakan “projek pengislaman bidang ilmu sastera” yang menyahut pemikiran al-Attas tentang pentingnya “Islamisasi Ilmu” (*Islamization of Knowledge*) dalam usaha menyelesaikan masalah kekeliruan masyarakat Islam masa kini terhadap ilmu (Wan Ahmad Fahysal, 2009).

Selain komen-komen di atas yang nyata positif, kehadiran PB turut mengundang komen-komen sinikal. Rencana A. Rahim Abdullah (A. Rahim) bertajuk “Adakah Bangsa dalam Sastera dan Bahasa Kita?” yang terbit dalam akhbar *Mingguan Malaysia* pada 13 November 2005, antaranya membangkitkan gaya kritikan Mohd. Affandi yang disifatkannya “...tidak mahu mengikut adab dan etika murni” (A. Rahim, 2005a). Gaya ini dianggap tidak seiring dengan kedudukan Islam sebagai teras dalam PB. Dalam sebuah lagi rencananya berjudul “Affandi Keliru Tradisi Ilmu” yang terbit dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 18 Disember 2005, A. Rahim sekali lagi membangkitkan soal gaya kritikan Mohd. Affandi yang didakwanya sebagai “keras”. A. Rahim secara sinis membandingkan Mohd. Affandi dengan al-Attas, yang dianggapnya “... tidak pernah melatah dan menyerang orang yang tidak sebulu dan sealiran dengannya” (A. Rahim, 2005b). Selain itu, A. Rahim juga menyatakan bahawa beliau tidak jelas bagaimana PB dapat dikaitkan dengan pemikiran al-Attas kerana dakwanya, Mohd. Affandi tidak pernah menyatakan dengan terang sama ada PB merupakan hasil pemurniaan atau penambahan daripada pemikiran tokoh tersebut. Nada yang hampir

sama turut kedengaran dalam rencana Shafie Abdullah (Shafie) berjudul “Duri Dalam Sastera Melayu Moden” yang terbit dalam *Utusan Malaysia* pada 2006. Dalam rencana ini, Shafie (2006) menggelar Mohd. Affandi sebagai seorang “diktator intelektual” kerana menolak pandangan yang bertentangan dengan PB. Tulisan-tulisan Mohd. Affandi turut diumpamakan seperti “lumut hitam” yang mencacatkan dunia kesusasteraan Melayu. Lebih menarik apabila rencana ini mengakui hakikat bahawa PB tidak mendapat tempat untuk penerbitan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kerana kritikannya yang tidak disenangi oleh sebahagian besar sasterawan dan sarjana sastera Melayu.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sorotan di atas menjelaskan tentang adanya dua kutub pandangan yang berbeza; yang pada satu pihak menyambut baik PB, dan di pihak yang lain kurang menyenangi PB. Kutub pertama jelas menyambut PB sebagai gagasan yang menegakkan nilai-nilai Islam melalui ilmu serta pemikiran dalam kegiatan sastera. Manakala kutub kedua pula kurang menyenangi gaya kritikan Mohd. Affandi yang dianggap “keras”, selain pendirian tegas beliau dalam menegakkan keyakinannya. Dalam sambutan khalayak yang sedemikian, kehadiran PB dalam kegiatan sastera Melayu masa kini juga telah menarik perhatian ramai sarjana serta pengkaji sastera.

Berbeza dengan komen-komen di atas yang bersifat umum dan diasaskan pada pendapat serta pengalaman peribadi,

sambutan sarjana serta pengkaji sastera terhadap PB dimanifestasikan pada sejumlah kajian ilmiah dalam pelbagai bentuk seperti tesis kedoktoran, syarahan inaugral dan kuliah umum, buku ilmiah, artikel yang terbit dalam jurnal akademik dan bab dalam buku, selain kertas kerja seminar. Kehadiran kajian-kajian ilmiah ini dengan sendirinya membina serta mengujudkan korpus penyelidikan tersendiri.

Hal ini menarik perhatian artikel ini untuk meneliti secara kritis tentang sambutan kesarjanaan terhadap PB. “Sambutan kesarjanaan” dalam konteks artikel ini merujuk kepada pengkajian serta penilaian akademik yang diberikan oleh para sarjana serta pengkaji sastera dalam bentuk tulisan-tulisan ilmiah. Penelitian kritis ini penting bagi mendapatkan pemahaman yang jelas tentang pencapaian PB sebagai sebuah gagasan pemikiran ilmiah dalam bidang kesusasteraan Melayu, berdasarkan sambutan kesarjanaan yang diberikan terhadapnya.

## OBJEKTIF DAN BAHAN KAJIAN

Lanjutkan itu, artikel ini menggariskan tiga objektif. Pertama, mengenal pasti idea-idea utama berkaitan PB yang dibincangkan dalam kajian-kajian ilmiah yang dikaji. Kedua, mengorganisasi kajian-kajian ilmiah yang dikaji berdasarkan fokus perbahasannya. Ketiga, merumuskan pencapaian PB sebagai sebuah gagasan pemikiran sastera berdasarkan sambutan kesarjanaan yang diberikan oleh para sarjana dan pengkaji.

Bagi merealisasikan ketiga-tiga objektif kajian tersebut, artikel ini meneliti sembilan kajian ilmiah mengenai PB yang dihasilkan dalam pelbagai bentuk iaitu tesis kedoktoran, syarahan inaugral, kuliah umum, buku ilmiah, artikel dalam jurnal akademik, bab dalam buku, dan kertas kerja seminar. Bahan-bahan kajian ini dipilih berdasarkan fokus penelitiannya yang menawarkan perbahasan mengenai idea-idea PB. Kriteria ini dipilih bagi membolehkan artikel ini memberikan fokus terhadap aspek pemikiran PB itu sendiri, khususnya pencapaian.

## PENDEKATAN KAJIAN

Artikel ini menerapkan analisis teks (*textual analysis*) sebagai pendekatan kajian. Pendekatan ini dipilih berasaskan kesesuaianya dengan bahan-bahan kajian yang merupakan teks. Dalam menganalisis teks, pendekatan ini menggariskan prosedur bacaan yang merangkumi dua tahap bacaan. Pertama, bacaan secara deskriptif bagi mengenal pasti dan seterusnya memerikan (*describe*) idea-idea utama berkaitan PB dalam teks-teks yang dikaji. Kedua, bacaan secara kritis bagi mendapatkan gambaran keseluruhan idea-idea utama berkaitan PB untuk dikelompokkan berdasarkan organisasi tertentu. Bacaan yang terakhir ini juga membolehkan artikel ini untuk merumuskan pencapaian PB sebagai sebuah gagasan pemikiran dalam kesusasteraan Melayu berdasarkan sambutan kesarjanaan yang diberikan terhadapnya.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Analisis terhadap kajian-kajian ilmiah yang dikaji berhasil dalam memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap idea-idea utama berkaitan PB. Gambaran keseluruhan membolehkan artikel ini untuk mengorganisasi kajian-kajian ilmiah yang dikaji. Untuk itu, bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa subtopik yang merujuk kepada fokus kajian-kajian ilmiah yang dikaji dalam perbahasan mengenai PB.

### **Pengenalan Persuratan Baru Sebagai Gagasan Pemikiran**

Analisis ini mengenal pasti fokus beberapa kajian ilmiah yang dikaji cenderung dalam memperkenalkan PB sebagai sebuah gagasan pemikiran dalam kegiatan sastera Melayu masa kini. Fokus ini antaranya dapat diamati dalam kertas kerja Abdullah Tahir (Abdullah) berjudul “Novel-Novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti Kemungkinan Penerapan Konsep ‘Persuratan Baru Melayu’” (1995). Penting untuk dinyatakan bahawa kertas kerja Abdullah (1995) ini merupakan tulisan ilmiah pertama yang memberikan perhatian khusus terhadap PB. Dengan itu, kertas kerja ini lebih merupakan satu pengamatan awal (*a preliminary observation*) terhadap “kemungkinan” PB untuk diterapkan dalam penghasilan karya sastera. Sebagaimana yang jelas pada judulnya, kertas kerja ini menggunakan istilah “Persuratan Baru Melayu”. Manakala, pada beberapa tempat lain, kertas kerja ini menggunakan istilah “Persuratan Baru” pula. Dapat dikatakan bahawa pada tahap ini, penggunaan istilah bagi merujuk kepada PB masih belum konsisten.

Abdullah membangkitkan tentang pendapat Mohd. Affandi bahawa “sastera” merupakan satu kegiatan penulisan yang mengutamakan imaginasi, dan mengkesampingkan ilmu. Dalam konteks inilah, Mohd. Affandi berpendapat bahawa kegiatan yang perlu dikembangkan ialah “persuratan” iaitu kegiatan karang-mengarang yang diasaskan kepada ilmu yang benar di sisi Islam. Begitu juga kritikan terhadap pandangan-hidup yang terjelma daripada karya-karya sastera Melayu moden, yang dianggap oleh PB bertentangan dengan pandangan-hidup Tauhid yang menjadi pegangan Islam (Abdullah, 1995, hlm. 50). Menurut Abdullah, PB memperkenalkan cara baharu dalam kegiatan penulisan, iaitu merujuk kepada cara penulisan yang tidak lagi menyampaikan cerita semata-mata, sebaliknya membahaskan pemikiran atau gagasan. Cara penulisan baharu yang dianjurkan PB ini dianggap bertentangan dengan cara penulisan dalam kegiatan sastera Melayu moden yang mengutamakan imaginasi. Abdullah turut membincangkan tentang empat ciri PB seperti yang digariskan oleh Mohd. Affandi sendiri, iaitu i) keutamaan terhadap ilmu dan kebijaksanaan, ii) gaya penulisan bercorak kesarjanaan tetapi indah, iii) keutamaan terhadap gagasan dengan memanfaatkan watak-watak yang kuat, dan iv) keutamaan terhadap daya kreatif yang tinggi, terkawal dan beradab.

Lebih penting ialah hasil penelitian Abdullah (1995, hlm. 52) tentang empat ciri di atas yang didapatinya dimanifestasikan dalam novel-novel Mohd. Affandi.

Abdullah mendapati bahawa novel *Tampang Sasterawan* dan *Citra Pujangga* memanifestasikan salah satu ciri PB, iaitu keutamaan terhadap penyampaian gagasan dengan memanfaatkan watak-watak yang kuat. Abdullah (1995) turut menamakan sebuah novel Mohd. Affandi yang berjudul *Aligupit* sebagai “dialog-idea” berdasarkan plotnya yang tidak bergantung kepada peristiwa, sebaliknya ilmu dan kebijaksanaan (hlm. 54). Abdullah (1995) merumuskan bahawa PB merupakan sebuah gagasan pemikiran yang wajar diberikan perhatian yang serius, sebagaimana katanya,

Demikianlah kita melihat usaha Mohd. Affandi Hassan cuba mengetengahkan konsep ‘Persuratan Baru’ Melayu untuk menggantikan sastera yang kita mesrai selama ini... Walau bagaimanapun saranan dan pemikiran Affandi itu perlu mendapat perhatian dan reaksi para ilmuan khususnya peneliti dan pengkritik sastera dan para karyawan. Kata-kata Mohd. Affandi “saya menulis novel-novel saya untuk mengajak mereka keluar daripada ‘longkang sastera’”, perlu direnung bersama dan patut mendapat perhatian yang sewajarnya (hlm. 56).

Sebuah lagi kajian awal yang turut memperkenalkan PB sebagai sebuah gagasan pemikiran dalam kesusasteraan Melayu ialah artikel Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Ungku) berjudul “Mohd. Affandi Hassan’s Notion of *Persuratan*

*Baru* (‘Genuine Literature’): A Preliminary Exploration”<sup>2</sup>. Berbeza dengan kertas kerja Abdullah yang dibentangkan di medan tempatan, artikel Ungku ini dapat dianggap sebagai usaha untuk memperkenalkan PB di arena antarabangsa. Hal ini kerana artikel ini ditulis dalam bahasa Inggeris, selain dibentangkan serta diterbitkan buat pertama kalinya di luar negara. Perbahasan Ungku (2003) mengenai PB dimulakan dengan penjelasan tentang dua “sistem sastera” yang dihujahkan oleh Mohd. Affandi iaitu “Sistem Persuratan Melayu” dan “Sistem Sastera Malaysia”. Menurut Ungku, PB membezakan kedua-dua “sistem sastera” ini dari segi falsafah dan praktisnya. “Sistem Persuratan Melayu” merujuk kepada kegiatan karang-mengarang yang berfalsafahkan Islam dan setiap medannya dibezaan oleh fungsi karya sama ada sebagai cerita, bukan cerita atau petua (Ungku, 2003, hlm. 245). Manakala, “Sistem Sastera Malaysia” merujuk kepada kegiatan penulisan bersifat sekular kerana menceritakan hal-hal kehidupan yang terpisah daripada pandangan-hidup beragama, dan setiap medannya dibezaan oleh bentuk serta kelainan teknik yang digunakan oleh sesebuah karya.

<sup>2</sup> Artikel ini pada asalnya dibentangkan di International Conference on Southeast Asian Literatures, di University of Philippines, Diliman, Quezon City pada 19-21 Mei 1997. Kemudiannya, artikel ini pertama kali diterbitkan dalam *Text and Contents* yang diselia oleh L. J. Mallavi-Hall dan L. R. R. Tope, University of the Philippines Press, University of the Philippines, Manila, 1999, sebelum diterbitkan semula sebagai salah satu bab dalam buku berjudul *Readings in Modern Malay Literature* (2003) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Menurut Ungku (2003), PB menghujahkan bahawa sekularisasi kesusasteraan Melayu yang melahirkan “Sistem Sastera Malaysia” menjadi satu “pengalaman yang traumatis” dalam sejarah dan kebudayaan Melayu (hlm. 247). Ini merujuk kepada pemisahan orang Melayu daripada tradisi keilmuan Islam yang merupakan pencapaian terbaik (*par-excellence*) dalam sejarah dan kebudayaan mereka. Pemisahan inilah yang kemudiannya melahirkan “Sistem Sastera Malaysia” yang cenderung terhadap sastera Barat. Dengan hujah sedemikian, PB berpendapat bahawa karya-karya sastera yang berhasil daripada “Sistem Sastera Malaysia” memperagakan nilai-nilai yang bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah. Justeru, PB menganjurkan supaya kegiatan sastera Melayu difahami menurut pandangan-hidup Islam yang berteraskan Tauhid, yang diterjemahkannya melalui tiga falsafah penting iaitu Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastera (Ungku, 2003, hlm. 252). Ungku (2003) merumuskan bahawa PB merupakan gagasan pemikiran yang berpaksikan Tauhid dan menuntut kepada penghasilan karya yang menyampaikan kebenaran di sisi Allah SWT, selaras dengan falsafah *Taklif* yang mendasari PB, sebagaimana katanya,

*This calls upon the combination of faith, knowledge and the commitment to make known God's words, thereby rendering literary works intrinsically didactic. These demands are seen as consistent*

*with the principle of Taklif that underpins “genuine literature”<sup>3</sup>* (hlm. 256).

Pada tahap ini, dapat dikatakan bahawa kertas kerja oleh Abdullah (1995) dan sebuah bab dalam buku oleh Ungku (2003) merupakan antara tulisan kesarjanaan terawal yang menyambut kehadiran PB sebagai satu gagasan yang penting untuk diketengahkan termasuk ke peringkat antarabangsa.

### **Sumbangan Persuratan Baru dalam Sejarah dan Tradisi Sastera Melayu**

Selanjutnya, analisis ini turut mengenal pasti fokus beberapa kajian ilmiah yang cenderung dalam membahaskan sumbangan PB dalam konteks sejarah dan tradisi kesusasteraan Melayu. Fokus ini antaranya dapat diamati dalam syarahan inaugural Ungku berjudul “Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita Dengan Ilmu” yang berlangsung pada tahun 2007<sup>4</sup>. Secara umumnya, syarahan inaugural ini mengamati kecenderungan disiplin kritikan sastera Melayu terhadap empat pola iaitu i) aspek dalaman teks

<sup>3</sup> *Taklif* merupakan satu prinsip yang diuraikan oleh Shah Wali Allah al-Dihlawi r.a. (h. 1702) dalam kitab karangan beliau berjudul *Hujjat Allah al-Baligha* yang telah diterjemahkan dan diselenggarakan dalam bahasa Melayu oleh Zainuddin Hj. Idris dan Nik Hassan Nik Abdullah (2011). *Taklif* membawa maksud “rahsia kebertanggungjawaban manusia kepada Penciptanya” atau diterjemahkan oleh Marcia K. Hermansen (al-Dihlawi, 1286/1996, hlm. 238) sebagai “divine accountability and responsibility”.

<sup>4</sup> Teks syarahan ini terbit dalam bentuk buku dengan judul yang sama pada tahun 2007 dan cetakan kedua pada tahun 2012.

iaitu tema dan struktur, ii) aspek luaran teks atau pendekatan kontekstual, iii) teori luar, dan iv) teori tempatan. Keempat-empat pola kritikan sastera Melayu ini didapati cenderung terhadap cerita, sehingga mengjudkan “zon selesa” dalam disiplin kritikan sastera Melayu (Ungku, 2012, hlm. 36-58). Dalam konteks tersebut, Ungku menegaskan bahawa kehadiran PB membawa satu “anjakan radikal” dan sekali gus mencabar “zon selesa” tersebut apabila “cerita” tidak lagi dianggap sebagai “ilmu”, sebagaimana katanya, “...dua konsep yang bukan sinonim [merujuk “cerita” dan “ilmu”], iaitu satu penyimpangan yang amat jelas daripada amalan [kritikan sastera Melayu] sebelum ini” (Ungku, 2012, hlm. 58-59).

Pembedaan antara “ilmu” dengan “cerita” dalam konteks sejarah dan tradisi kritikan sastera Melayu ini kemudiannya dimantapkan dengan keutamaan terhadap “ilmu” serta sanjungan terhadap akal manusia yang waras, iaitu satu kecenderungan yang bersifat universal (Ungku, 2012, hlm. 60). Adalah jelas pada Ungku bahawa kehadiran PB telah mengubah norma kegiatan kritikan sastera daripada “condong-cerita” kepada “condong-ilmu”. Menerusi syarahan ini, PB jelas diperakukkan sebagai gagasan pemikiran yang signifikan dalam sejarah dan tradisi sastera Melayu. Sanggahan PB terhadap keutamaan cerita serta tuntutannya supaya kritikan sastera Melayu mengutamakan ilmu dianggap telah membawa satu anjakan radikal kerana melepaskan kritikan sastera Melayu daripada belenggu nilai-nilai kedaerahan

untuk merayakan ilmu yang menjadi asas pembinaan peradaban sejagat. Syarahan inaugural ini merumuskan bahawa kehadiran PB dalam konteks sejarah dan tradisi sastera Melayu merupakan satu usaha untuk mengembalikan tradisi karang-mengarang yang mengutamakan “ilmu” (persuratan Melayu) dan kebijaksanaan sebagai kegiatan utama bagi menggantikan kegiatan sastera sedia ada yang mementingkan “cerita” semata-mata, sebagaimana katanya,

Dengan mempertikaikan keutamaan cerita dalam penulisan kreatif dan kritikan, dan mengembalikan ilmu ke tempat sewajarnya, PB menempatkan dirinya sebagai sebuah gagasan serius dan prihatin terhadap soal tulisan dan pertanggungjawaban secara menyeluruh...kritikan yang memanfaatkan kerangka PB jelas dapat menjalankan tugas hakikinya sebagai pemantau yang berkesan, penilai yang adil dan pembentuk iklim yang berwibawa, yang dapat mendorong kepada penghasilan karya besar dan bermutu, yang memperlihatkan ketinggian ilmu, kehalusan seni dan kesantunan budi pekerti pengarang Melayu (Ungku, 2012, hlm. 66-67).

Analisis mengenal pasti sebuah lagi tulisan kesarjanaan Ungku yang turut membahaskan sumbangan PB dalam konteks sejarah dan tradisi sastera Melayu, iaitu kuliah umum MASTERA

yang disampaikannya pada tahun 2009<sup>5</sup>. Ungku memulakan siri kuliahnya dengan membangkitkan bahawa pentingnya pembentukan pemikiran sastera di Malaysia diperhalusi dan difahami dengan betul. Hal ini menuntut kepada penelitian yang mendalam terhadap konteks sejarah dan tradisi sastera Melayu yang mewarisi ideologi-ideologi kolonial bagi menilai karya sastera tempatan. Antara ideologi sastera yang kembali ditekankan oleh Ungku dalam siri kuliahnya kali ini adalah soal keeratan kesusasteraan Melayu dengan “cerita”.

Lanjutan itu, Ungku dilihat mengajukan PB sebagai satu “anjakan” dalam perkembangan kesusasteraan Melayu bagi menggantikan keeratan kesusasteraan Melayu terhadap “cerita” dengan “ilmu”. Antara lain, Ungku menekankan bahawa prinsip PB yang mengutamakan “ilmu” berbanding “cerita” ini seharusnya diterima atas terma dan persejarahannya sendiri, iaitu berdasarkan Islam. Hal ini jelas jika PB diamati sebagai satu gagasan pemikiran yang ingin mengembalikan tradisi persuratan Melayu yang telah terputus setelah kedatangan kolonial Barat. Bagi mencapai maksud tersebut, Ungku (2009) menjelaskan bahawa PB mengajukan teknik “hujah-wacana” yang menuntut kepada kehadiran bentuk-bentuk seperti “...hujahan, analisis, huraian, kupasan, taakulan, olahan, debat, sanggahan dan sebagainya dalam tulisan, yang digembleng sehingga

<sup>5</sup> Siri kuliah umum MASTERA oleh Ungku yang berlangsung di Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura ini kemudiannya dibukukan dengan judul *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu* (2009).

terbangunnya sebuah pemikiran yang utuh dan bugar” (hlm. 87). Rentetan keutamaan yang diberikan kepada “ilmu” menerusi bahasa dan teknik “hujah-wacana”, PB menjadikan kedudukan “cerita” dan urusan pembikinannya berada pada kedudukan yang subordinat. Ungku menegaskan bahawa antara “anjakan” lain PB ialah dengan mengasaskan prinsipnya kepada Islam dan bukannya Barat, justeru PB menolak hasil penulisan yang meraikan kenisbian, sebaliknya meraikan kemutlakan.

Sehubungan itu, Ungku (2009) berpendapat bahawa kehadiran PB merupakan satu “anjakan” ilmiah yang serius dalam konteks sejarah dan tradisi sastera Melayu, yang dilakukan dalam kesedaran untuk membebaskan kebergantungan kesusasteraan tempatan daripada Barat dan mengembalikan semula ikatan persuratan Melayu sebagai satu kegiatan kesusasteraan tempatan, sekali gus memperkayakan pemikiran dunia sastera Melayu, sebagaimana katanya,

Dengan mengejapkan konsep Taklif, ilmu yang benar, kerangka penulisan yang prioritinya betul, di samping terkawal dan beradab, iaitu aspek-aspek kepengarangan yang begitu signifikan, PB hadir sebagai anjakan yang pasti. Ternyata dengan berbuat demikian, PB sekali gus berusaha untuk menyimpulkan semula ikatan dengan tradisi lampau persuratan Melayu-Islam, di samping meleraikan pula simpulan dengan tradisi Barat yang semakin mengukuh (hlm. 89).

Seiring dengan fokus di atas, analisis mengenal pasti bahawa tulisan A. Halim Ali (A. Halim) turut membahaskan sumbangan PB dalam konteks sejarah dan tradisi sastera Melayu. Menerusi bukunya yang berjudul *Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia* (2018), A. Halim membahaskan kehadiran PB lahir daripada kesedaran bahawa teori-teori sastera Barat tidak dapat menampung konteks perbincangan karya sastera Melayu yang dihasilkan dengan sejarah dan kebudayaan tempatan. Menurut beliau, PB berpendapat teori-teori sastera Barat memperagakan pandangan-hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam, justeru kehadirannya menuntut supaya kegiatan sastera Melayu kembali kepada pandangan-hidup Islam (A. Halim, 2018). Dengan pandangan-hidup Islam, PB meletakkan kegiatan penulisan sebagai satu bentuk ibadah manusia kepada Penciptanya, justeru manusia harus memperakukan hakikat dirinya sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi, sebagaimana katanya, “Kesusasteraan sebagaimana amal-amal yang lain mestilah dijuruskan kepada pengabdian kepada Allah” (A. Halim, 2018, hlm. 160-161).

Secara keseluruhannya, A. Halim (2018) menanggapi PB sebagai sebuah “teori sastera” tempatan yang lahir daripada pemikiran Mohd. Affandi yang secara kritis membahaskan tentang sejarah dan tradisi sastera Melayu termasuk soal pengaruh teori sastera Barat dalam kalangan penggiat sastera tempatan, sebagaimana katanya,

...kelahiran teori Persuratan Baru dapat disandarkan kepada

kekecewaan terhadap kedangkalan intelektualisme Melayu dan rasa tanggungjawab Mohd. Affandi untuk memperbetulkan keadaan, dengan harapan kegiatan ilmu dan sastera Melayu tidak sia-sia, sebaliknya dapat diarahkan kepada matlamat yang lebih jelas dan haq, beradab, terkawal, beretika dan mendokong pemikiran tinggi (hlm. 188).

Adalah jelas bahawa tulisan Ungku (2012, 2009) memperakukan sumbangan PB dalam mengembalikan semula tradisi persuratan Islam dalam kegiatan sastera Melayu masa kini. Lebih penting apabila PB diakui sebagai gagasan yang membawa “anjakan paradigma” dalam kesusasteraan Melayu apabila menuntut supaya ilmu diberikan keutamaan dan cerita dikesampingkan. Sambutan yang hampir sama turut diberikan oleh tulisan A. Halim (2018) yang memperakukan PB sebagai satu gagasan yang memperjuangkan aspek pemikiran dalam kesusasteraan selain memperbetulkan ketaksuhan kesusasteraan Melayu moden terhadap teori sastera Barat. Kedua-dua tulisan kesarjanaan ini jelas menyambut PB sebagai satu gagasan yang memberikan sumbangan bererti dalam sejarah dan tradisi sastera Melayu.

### **Persuratan Baru Sebagai Kerangka Analisis dalam Pengkajian Sastera**

Seterusnya, analisis ini turut mengenal pasti fokus beberapa kajian ilmiah yang cenderung dalam meneliti PB sebagai kerangka analisis dalam pengkajian sastera.

Fokus ini antaranya dapat diamati dalam tesis kedoktoran Mohd. Zariat Abdul Rani (Mohd. Zariat) berjudul “Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru” (2004)<sup>6</sup>. Tesis ini membangkitkan soal kecenderungan novel Melayu terhadap seks dan seksualiti. Teks yang dikaji merupakan novel yang menangani persoalan seks dan seksualiti, dan lebih penting lagi diberi pengiktirafan sama ada kepada novelisnya, atau novel itu sendiri diperagakan sebagai “karya penting” yang antaranya diberikan jolokan yang muluk-muluk seperti “Teks Mithali”, “Novel Idea”, “Novel Bertaraf Antarabangsa”, dan “Novel Kritik Sosial”. Dalam meneliti 20 buah novel Melayu yang menerima pelbagai bentuk pengiktirafan, tesis ini menerapkan PB atas beberapa justifikasi. Pertama, pemilihan PB sebagai gagasan tempatan dianggap sebagai wajar, terutamanya dalam konteks kekerapan teori-teori Barat diterapkan dalam kajian-kajian sastera Melayu. Kedua, PB menyediakan alat analisis yang dapat diterapkan dalam pengkajian teks sastera, khususnya apabila menjadikan “ilmu” sebagai isian yang diutamakan dalam pengkajian teks sastera. Ketiga, PB mengikat takrifan “ilmu” ini pada kerangka *Taklif* menurut Islam yang menggariskan sempadan jelas bagi membezakan antara “karya persuratan” dengan “karya sastera” dan “karya picisan”. Justifikasi di atas memperlihatkan PB buat pertama kalinya diterapkan dalam sebuah tesis kedoktoran sebagai sebuah kerangka

analisis yang mampu dalam pengkajian teks sastera. Dengan menerapkan PB yang berasaskan pandangan-hidup Islam yang berteraskan Tauhid, tesis kedoktoran Mohd. Zariat (2004) berhasil dalam mengenal pasti keutamaan novel-novel Melayu yang dikaji terhadap cerita berbanding ilmu, dan justeru menjadikan novel-novel tersebut cenderung menyajikan cerita-cerita tentang kejahatan seks watak-watak yang dimanipulasi sebagai bumbu yang dapat meningkatkan intensiti cerita terhadap seks.

Selain itu, analisis mengenal pasti kecenderungan yang sama dalam buku oleh Zawiah Yahya (Zawiah) berjudul *Reading Approaches in Malay Literature* yang juga meneliti PB sebagai kerangka analisis dalam pengkajian sastera. Sebagaimana yang dinyatakan dalam prakata, Zawiah (2010) menulis buku ini bagi memenuhi keperluan bidang kesusasteraan dalam bahasa Inggeris dalam mempertemukan teori Barat dengan pendekatan bacaan kesusasteraan Melayu. Keperluan ini timbul disebabkan oleh penerapan teori-teori sastera Barat dalam kritikan sastera Melayu. Selain itu ialah penulisan berkaitan pendekatan bacaan kesusasteraan Melayu yang rata-rata ditulis dalam bahasa Melayu dengan penghujahannya yang dianggap asing bagi pelajar dalam bidang kesusasteraan dalam bahasa Inggeris.

Justeru, buku tersebut membincarakan lima “pendekatan bacaan tempatan” (*local reading approaches*) termasuk PB sebagai alat analisis teks sastera. Zawiah menganggap PB menawarkan pendekatan bacaan berbeza daripada tradisi sastera Barat

<sup>6</sup> Tesis ini diterbitkan dalam bentuk buku dengan judul *Seksualiti dalam Novel Melayu* (2011) oleh Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

kerana memberi keutamaan kepada ilmu dan mengkesampingkan cerita, sebagaimana katanya, “*The fact that Affandi’s approach privileges knowledge over story in fiction represents a fundamental departure from western tradition*” (Zawiah, 2010, hlm. 23). Zawiah juga tidak menolak hakikat bahawa PB hadir sebagai satu pakej teori sastera yang lengkap dengan falsafah dan alat analisis, berbanding empat pendekatan bacaan lain, sebagaimana katanya,

*All in all, Affandi Hassan’s theory, in my mind, is the most complete package. He has a framework, a teaching model he calls KIBLAT, a showcase novel to demonstrate application, and a new genre to take care of the kind of Islamic writing he is advocating* (hlm. 25).

Lebih penting apabila Zawiah memperakukan kedekatan PB dengan Islam apabila falsafah *Taklif* dijadikan sebagai asas dalam memahami tugas serta peranan penulis. Dengan itu, kegiatan penulisan menurut PB ditakrifkan sebagai “satu ibadah manusia kepada Penciptanya”. Walau bagaimanapun, Zawiah berpendapat bahawa asas ini juga yang menjadikan PB sebagai satu kayu ukur yang sukar dicapai (*demanding yardstick*) selain menutup ruang perbahasan kerana dipasangkan pada sumber ilmu yang mutlak iaitu al-Quran dan as-Sunnah, sebagaimana katanya, “*There is also a sense of absolutism about PB that does not allow it to problematise itself. Such total conviction of its rightness also seems to rule out the validity of other alternative ways of reading*” (Zawiah, 2010, hlm. 65).

Adalah menarik untuk dinyatakan bahawa tanggapan ini dianggap oleh Mohd. Affandi sebagai “aneh”, kerana di satu pihak Zawiah memperakukan kedekatan PB dengan Islam yang berasaskan al-Quran dan as-Sunnah, dan di pihak yang lain menganggap bahawa soal “kemutlakan” dalam PB sebagai satu kelemahan, sebagaimana yang dihujahkannya,

Kesimpulan ini sangat aneh, kerana selepas beliau berkata gagasan Persuratan Baru berasaskan al-Quran dan hadis, tiba-tiba beliau membuat kesimpulan bahawa gagasan Persuratan Baru terjerumus dalam *absolutism*. Sebenarnya beliau berfikir dalam kerangka kritikan Barat, yang memang menolak apa juga yang bersifat mutlak” (Mohd. Affandi, 2011, para. 29).

Petikan ini dengan jelas menyerlahkan pandangan Mohd. Affandi bahawa tulisan Zawiah yang membangkitkan soal *absolutism* PB menggambarkan cara berfikir beliau yang cenderung terhadap kerangka pemikiran Barat. Dalam hal ini, kajian ini bersetuju dengan pendapat Mohd. Affandi bahawa dalam usaha Zawiah (2010) mengutarakan PB sebagai satu “pendekatan bacaan tempatan” untuk diguna pakai dalam pengkajian teks sastera, tulisan beliau pada masa yang sama menghadapi masalah dalam memahami PB sebagai satu gagasan yang sepenuhnya bersandarkan kepada pandangan-hidup Islam. Permasalahan ini jelas apabila tulisan Zawiah tidak dapat

mengaitkan pandangan-hidup Islam yang berteraskan Tauhid dan bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah, iaitu sumber ilmu yang di sisi Islam dianggap sebagai mutlak (*absolute*) dan pasti (*final*), dengan penilaian PB yang bersifat mutlak (diungkap oleh Zawiah sebagai “*sense of absolutism*”). Dalam konteks ini, tidak keterlaluan dikatakan bahawa Zawiah pada dasarnya masih menerapkan pemahamannya tentang “teori” menurut pandangan-hidup Barat-moden yang bersifat relatif dan subjektif (bertentangan dengan pandangan hidup-Islam yang bersifat mutlak dan pasti). Justeru, soal “kemutlakan” (*sense of absolutism*) PB seperti menjadi satu masalah kepada Zawiah. Terlepas daripada persoalan ini, adalah jelas bahawa tulisan Zawiah ini menyambut PB sebagai sebuah kerangka analisis teks sastera yang diasaskan pada pandangan-hidup Islam, dan sekali gus menjadikannya sebagai berbeza daripada teori-teori sastera Barat.

Tesis kedoktoran Mohd. Zariat (2004) dan tulisan Zawiah (2010) memperakarkan kelebihan PB dalam menyediakan alat-alat analisis yang mencukupi bagi tujuan perungkai teks sastera. Keupayaan ini antaranya dimungkinkan oleh falsafahnya yang diasaskan pada pandangan-hidup Islam yang berasaskan ajaran Tauhid. Falsafah ini membolehkan PB untuk mentakrifkan secara jelas istilah-istilah utama seperti “ilmu” dan “cerita” yang kemudiannya mencetuskan alat-alat analisis yang sistematis. Dalam konteks ini, PB jelas disambut oleh tulisan-tulisan kesarjanaan di atas sebagai satu kerangka analisis yang dapat diterapkan dalam pengkajian teks sastera.

### **Perbandingan Persuratan Baru dengan Tradisi Sastera Lain**

Akhir sekali, analisis ini turut mengenal pasti fokus kecenderungan beberapa kajian ilmiah dalam membandingkan PB yang berasaskan pandangan-hidup Islam dengan tradisi sastera lain. Antaranya ialah artikel Adli Yaacob (Adli) berjudul “Satu Analisis Ringkas Konsep dan Teori Sastera Islam di Malaysia” (2007). Tulisan ini dimulakan dengan membicarakan tentang takrifan “*al-Adab*” dalam tradisi sastera Arab yang antaranya bermaksud “ketertiban akhlak dan budi pekerti” (Adli, 2007, hlm. 4). Menurut Adli, terkandung dalam takrifan ini ialah pengertian bahawa karya “sastera” menurut Islam perlu membawa makna atau ajaran yang baik. Dengan pemahaman ini, pengamatan Adli terarah kepada pemikiran dan teori sastera di Malaysia, khususnya PB yang dianggapnya membawa “paradigma baru” dalam pengkajian teks sastera Melayu. Ini merujuk kepada kepekaan PB terhadap tradisi persuratan Melayu yang berteraskan Islam yang dijadikan sebagai rujukan terhadap kecemerlangan kegiatan penulisan. Dengan kata lain, Adli mengenal pasti kekuatan PB terletak pada penterjemahan gagasannya secara konkrit, iaitu daripada tahap falsafah kepada tahap praktis.

Selain itu ialah soal pembezaan antara “persuratan” dengan “sastera” menurut PB. Adli menjelaskan bahawa “persuratan” menurut PB merujuk kepada tulisan yang mengutamakan perutusan tanpa memisahkan daripada nilai kreatifnya, manakala “sastera” pula merujuk kepada tulisan yang cenderung untuk keciciran

perutusan dengan keutamaan diberikan kepada penggunaan bahasa. Lebih menarik apabila Adli membandingkan pembezaan antara “persuratan” dengan “sastera” menurut PB dengan pemikiran al-Sheikh Hassan Ali al-Nadwi (al-Nadwi) (1914-1999), iaitu seorang sarjana Islam. Menurut Adli (2007), al-Nadwi membezakan antara apa yang diungkapkannya sebagai “اللأدب الطائي” (“sastera tulen”) dengan “اللأدب الصناعي” (“sastera buatan”). “اللأدب الطائي” (“sastera tulen”) merujuk kepada tulisan dalam kitab-kitab al-Hadith dan sirah yang memiliki keindahan serta menampilkan kebijaksanaan pemikirannya, manakala “اللأدب الصناعي” (“sastera buatan”) merujuk kepada karya-karya sastera. Adalah jelas bahawa tulisan Adli ini cenderung untuk memperlihatkan kesejajaran antara pemikiran Mohd. Affandi dengan al-Nadwi tentang kesusasteraan.

Sebagai reaksi terhadap tulisan Adli, Mohd. Affandi antara lain menjelaskan bahawa kesejajaran yang wujud antara Persuratan Baru (diterjemahkan oleh Mohd. Affandi sebagai “*Genuine Literature*” yang dalam bahasa Melayunya bermaksud “sastera tulen”) dengan “اللأدب الطائي” (“sastera tulen”) ini bukan satu kebetulan, sebaliknya merupakan pemikiran daripada satu sumber yang terhasil daripada tradisi ilmu yang sama iaitu Islam, sebagaimana yang diungkapkannya, “...persamaan maksud dalam dua usaha yang berasingan ini bagi saya [ Mohd. Affandi] adalah bukti wujudnya prinsip-prinsip umum penulisan berasaskan konsep ilmu yang benar yang ditekankan oleh gagasan Persuratan Baru” (Mohd. Affandi et al., 2008, hlm. 32).

Berbalik kepada tulisan Adli, adalah jelas bahawa PB dianggap sebagai sebuah gagasan yang mampu untuk menjelaskan falsafah dan praktik penulisan yang mencerminkan ajaran Tauhid, sebagaimana yang ditulisnya,

Kemudiannya dia [Mohd. Affandi] mengetahui hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, hakikat kewujudan Allah dan hakikat fungsi sastera. Hasil karya yang lahir daripada cernaan dan kefahaman di atas akan membentuk karya yang berasaskan Tauhid dan akan membawa karya yang memiliki isi dengan nilai yang kreatif yang membawa perutusan yang indah dan bermakna (Adli, 2007, hlm. 30).

Selain itu, sebuah kajian lagi yang turut membandingkan PB dengan pemikiran al-Nadwi ialah artikel Rahmah Ahmad H. Osman (Rahmah) dan Mohd. Shahrizal Nasir (Mohd. Shahrizal) berjudul “Sastera Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd. Affandi Hassan Dengan Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi” (2011). Artikel ini antaranya menggariskan beberapa persamaan yang ketara dalam pandangan Mohd. Affandi dan al-Nadwi, antaranya penekanan terhadap perutusan, hubungan antara sastera dengan kehidupan, serta pengiktirafan terhadap sastera klasik. Merujuk soal perutusan, PB mengungkapkannya sebagai “makna dari segi perutusan” dan berpendapat bahawa bahagian inilah yang merujuk kepada pengisian falsafah, guna menjelaskan kebenaran Islam dalam sesebuah teks sastera.

Manakala, al-Nadwi pula berpendapat bahawa karya sastera dapat memainkan fungsi sebagai wadah penyampaian dakwah apabila dimanfaatkan untuk menjelaskan kebenaran sesuatu perkara dalam kehidupan manusia menurut pandangan-hidup Islam (Rahmah & Mohd. Shahrizal, 2011, hlm. 14, 23).

Merujuk soal hubungan antara sastera dengan kehidupan, PB menjelaskan bahawa keterikatan manusia dengan Pencipta menerusi janji azali menuntut kepada penghasilan karya yang berlandaskan ilmu yang benar di sisi Islam, dan ini dimungkinkan dengan pematadan wacana dalam karya untuk tujuan penjelasan. Hal ini seiring dengan pandangan al-Nadwi yang menganggap bahawa karya sastera, dengan peranannya sebagai wadah penyampaian dakwah, turut berfungsi untuk merakamkan pemikiran dan pandangan untuk dijadikan pengajaran dan penghayatan yang berfaedah buat manusia (Rahmah & Mohd. Shahrizal, 2011, hlm. 24, 32).

Dalam soal pengiktirafan terhadap sastera klasik, PB menghujahkan bahawa karya yang lahir pada zaman kegemilangan Islam di Tanah Melayu mengandungi perutusan benar, selain disampaikan dengan indah. Al-Nadwi pula dilihat mengemukakan pendapat yang senada apabila mengangkat karya-karya “sastera asli”; iaitu sastera daripada khazanah kesusasteraan Arab silam, sebagai karya yang mengandungi perutusan ilmiah yang disampaikan dengan indah (Rahmah & Mohd. Shahrizal, 2011, hlm. 33-34).

Adalah jelas bahawa artikel ini memperakukan konsep “Sastera Islam” yang diutarakan PB sebagai sehaluan dengan pemikiran al-Nadwi, terutamanya perhatian terhadap keutamaan ilmu, sebagaimana yang dinyatakan, “Secara jelas, tiga bentuk persamaan antara pandangan Mohd. Affandi [PB] dan Al-Nadwi iaitu pertama: penekanan terhadap mesej dan perutusan, kedua: hubungan antara sastera dengan kehidupan, dan ketiga: pengiktirafan terhadap sastera klasik menunjukkan bahawa pandangan kedua-dua tokoh ini didasari oleh satu matlamat iaitu memperjuangkan ilmu dalam karya sastera Islam” (Rahmah & Mohd. Shahrizal, 2011, hlm. 35).

Analisis ini memperlihatkan usaha kedua-dua tulisan di atas dalam membandingkan PB dengan tradisi keilmuan Islam khususnya dari dunia Arab. Dalam konteks kedua-dua tulisan ini, PB dibandingkan dengan pemikiran Al-Nadwi, seorang ilmuan kontemporari berbangsa Arab yang mengajukan pemikiran tentang “Sastera Islam”. Perbandingan ini berupaya mensejajarkan PB dengan pemikiran Al-Nadwi dalam beberapa aspek terutamanya soal keutamaan ilmu dalam karya kreatif. Adalah jelas bahawa tulisan di atas menyambut PB sebagai satu pemikiran yang seiring dengan tradisi keilmuan Islam yang berkembang di Tanah Arab.

## KESIMPULAN

Artikel ini berhasil dalam merealisasikan ketiga-tiga objektif kajian. Pertama, artikel ini telah dapat mengenal pasti idea-idea utama berkaitan Persuratan

Baru yang dibincangkan dalam kajian-kajian ilmiah yang dikaji. Antaranya PB diasaskan pada pandangan-hidup Islam yang berteraskan ajaran Tauhid sebagaimana yang dibangkitkan antaranya dalam kajian oleh Ungku (2003), Mohd. Zariat (2004), Adli (2007), Rahmah & Mohd. Shahrizal (2011) dan A. Halim (2018). Pandangan-hidup Tauhid ini kemudiannya mewajarkan pilihan Mohd. Affandi untuk memanfaatkan konsep *Taklif* yang diperjelaskan oleh al-Dihlawi dalam kitab karangan beliau bertajuk *Hujjat Allah al-Baligha*. Pemanfaatan konsep *Taklif* ini membolehkan PB untuk mentakrifkan penulisan sebagai satu kegiatan ibadah yang membawa kepada pengabdian manusia kepada Penciptanya (Ungku, 2003, 2009; Zawiah, 2010). Dengan itu, PB didapati mengutamakan ilmu yang benar di sisi Islam termasuk pemikiran dan wacana ilmiah, sekali gus meletakkan cerita pada kedudukan yang subordinat kepada ilmu. Dengan pengutamaan terhadap ilmu, PB dilihat berusaha untuk menghidupkan tradisi persuratan Melayu abad ke-16 dan ke-17 Masihi dalam kegiatan sastera masa kini. Tradisi ini merujuk kepada kegiatan karang-mengarang yang dipelopori oleh para ilmuwan yang mengarang kitab-kitab ilmu. Abad ke-16 dan ke-17 Masihi dianggap sebagai zaman kemuncak kegemilangan Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu (A. Halim, 2018; Ungku, 2003, 2009, 2012). Walau bagaimanapun, PB berpendapat bahawa tradisi persuratan Melayu abad ke-16 dan ke-17 Masihi ini kemudiannya terputus dengan kedatangan penjajah Barat yang memperkenalkan

konsep “sastera moden”. Dalam konteks ini, PB membezakan antara “sastera” yang merujuk kepada kegiatan penulisan yang berasaskan imaginasi dengan “persuratan” yang merujuk kepada kegiatan karang-mengarang berteraskan ilmu (Abdullah, 1995; Adli, 2007; Ungku, 2003, 2012). Pengenapstian idea-idea utama berkaitan PB di atas yang dibincangkan dalam kajian-kajian ilmiah yang dikaji dengan sendirinya bererti objektif pertama kajian ini telah dapat dicapai.

Kedua, artikel ini berhasil dalam mengorganisasi kajian-kajian ilmiah yang dikaji berdasarkan fokus perbincangannya. Dalam hal ini, analisis ini mengenal pasti empat fokus utama iaitu pengenalan PB sebagai gagasan pemikiran, sumbangan PB dalam sejarah dan tradisi sastera Melayu, PB sebagai kerangka analisis dalam pengkajian sastera serta perbandingan PB dengan tradisi sastera lain. Merujuk kepada pengenalan PB sebagai gagasan pemikiran, tulisan Abdullah (1995) dan Ungku (2003) antaranya menyambut PB sebagai satu gagasan yang penting dalam kesusasteraan Melayu yang wajar diperkenalkan hingga ke peringkat antarabangsa. Manakala, tulisan Ungku (2009, 2012) dan A. Halim (2018) memperakukan sumbangan PB dalam mengembalikan semula tradisi persuratan Islam dalam kegiatan sastera Melayu masa kini, dan sekali gus mencabar pengaruh teori-teori Barat dalam kesusasteraan Melayu moden. Kajian tesis kedoktoran Mohd. Zariat (2004) dan tulisan Zawiah (2010) pula menyambut PB sebagai gagasan yang menyediakan alat-alat analisis yang

mencukupi untuk perungkai teks sastera. Kajian oleh Adli (2007) serta Rahmah dan Mohd. Shahrizal (2011) pula memfokuskan pada kesejarahan PB dengan pemikiran yang lahir daripada tradisi keilmuan Islam dari dunia Arab. Berhasilnya kajian ini dalam mengorganisasi kajian-kajian ilmiah yang dikaji berdasarkan fokus perbahasannya, bererti objektif kedua kajian ini telah direalisasikan.

Ketiga, artikel ini berhasil dalam merealisasikan objektif terakhir dengan merumuskan bahawa PB telah mendapat sambutan yang serius daripada sejumlah sarjana dan pengkaji sastera Melayu. Sambutan kesarjanaan ini diperlihatkan secara konkret melalui sejumlah kajian ilmiah dalam pelbagai bentuk termasuk tesis kedoktoran, syarahan inaugral, buku ilmiah, artikel dan kertas kerja, dan meliputi pelbagai fokus daripada usaha memperkenalkan PB kepada khalayak sastera termasuk di luar negara, hingga membandingkan serta mensejajarkan PB dengan tradisi keilmuan di luar Alam Melayu. Berdasarkan sambutan kesarjanaan yang telah diterimanya, adalah jelas bahawa PB rata-rata dianggap sebagai sebuah gagasan pemikiran yang penting dan tidak dapat dikesampingkan dalam kegiatan sastera Melayu masa kini. Sambutan kesarjanaan ini nyata memberikan perspektif yang lebih substantif dan ilmiah terhadap PB sebagai sebuah gagasan pemikiran, berbanding pendapat serta komen yang bersifat umum dan peribadi.

## RUJUKAN

- A. Halim Ali. (2018). *Inti sari teori sastera Barat dan Malaysia*. NHA Excell Resources.
- A. Rahim Abdullah. (2005a, 13 November). Adakah bangsa dalam sastera dan bahasa kita?, *Mingguan Malaysia*, 31.
- A. Rahim Abdullah. (2005b, 18 Disember). Affandi keliru tradisi ilmu. *Utusan Online*. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1218&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa\\_01.html](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1218&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.html)
- Abdullah Tahir. (1995, 21-25 Ogos). *Novel-novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti kemungkinan penerapan konsep "Persuratan Baru Melayu"* [Kertas kerja pembentangan]. Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Adli Yaacob. (2007). Satu analisis ringkas konsep dan teori sastera Islam di Malaysia. *Islamiyyat*, 29, 3-34.
- al-Dihlawi, S. W. A. (1996). *The conclusive argument from God* (M. K. Hermansen, Ptrj.). E. J. Brill. (Terbitan asal pada 1286)
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir, & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan penerapan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (1989). Pemikiran dan pendekatan dalam kritikan sastera Melayu moden. Dlm. *Kesusasteraan Melayu: Mitos dan realiti* (hlm. 68-122). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. (1994a). *Medan-medan dalam sistem persuratan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Affandi Hassan. (1994b). Mengapa saya menulis *Aligupit*. *Dewan Sastera*, 9-11.
- Mohd. Affandi Hassan. (1997). *Pujangga Melayu*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. (2011, 28 Jun). Gagasan Persuratan Baru sebagai kayu ukur dalam penilaian karya kreatif dan analisis akademik (satu kritikan buku). *Blog Gagasan Persuratan Baru*. <http://pbaru.blogspot.com/2011/06/gagasan-persuratan-baru-sebagai-kayu.html>
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2004). *Seksualiti dalam novel Melayu: Satu analisis teks berdasarkan Persuratan Baru* [Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mokhtar Sani Abdullah. (2002, 26 Jun). Idea Affandi Hassan jatuhkan penulis besar. *Utusan Online*. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0526&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa\\_02.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0526&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_02.htm)
- Rahmah Ahmad H. Osman, & Mohd. Shahrizal Nasir. (2011). Sastera Islam: Satu perbandingan antara pandangan Mohd. Affandi Hassan dengan Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi. *Jurnal e-Utama*, 3, 1-40.
- Shafie Abdullah. (2006, 19 Februari). Duri dalam sastera Melayu moden. *Utusan Online*. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0219&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0219&pub=Utusan_Malaysia&sec=Sastera&pg=sa_01.htm)
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2003). “Mohd. Affandi Hassan’s notion of Persuratan Baru (“Genuine Literature”): A preliminary exploration”. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir, *Readings in modern Malay literature* (hlm. 242-256). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2009). *Dinamika pemikiran sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2012). *Kritikan sastera Melayu: Antara cerita dengan ilmu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ahmad Fahysal. (2009, 31 Mei). Sehari bersama orang-orang sastera dan polemik Gagasan Persuratan Baru. *Rausyanfikir*. <https://rausyanfikirblog.wordpress.com/2009/05/31/sehari-bersama-orang-orang-sastera-dan-polemik-gagasan-persuratan-baru/>
- Zawiah Yahya. (2010). *Reading approaches in Malay literature: Critical theory in the making*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.